

TERMA DAN SYARAT KEMPEN RUJUKAN FLEXICREDIT

1. Umum

- 1.1 Kempen Rujukan FlexiCredit ("**Kempen**") dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("**GXBank**") dan akan berlangsung dari **16 Mac 2026** hingga **30 Jun 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain yang mungkin ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa dengan notis kepada anda ("**Tempoh Kempen**").
- 1.2 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen Rujukan FlexiCredit ("**Terma dan Syarat**") dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.
- 1.3 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan [Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit](#) GXBank.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu GXBank yang mengambil bahagian sebagai "**Perujuk**" atau "**Dirujuk**":
 - (a) "**Perujuk**" ialah pelanggan individu GXBank yang mempunyai dan mengekalkan akaun simpanan yang aktif dengan GXBank ("**Akaun GX**"); dan
 - (b) "**Dirujuk**" ialah sama ada individu baru kepada GXBank, atau pelanggan GXBank sedia ada dengan Akaun Simpanan GX yang aktif yang tidak mempunyai had/akaun FlexiCredit sedia ada, terdahulu atau yang diaktifkan ("**Had FlexiCredit**") dengan GXBank.
- 2.2 Individu berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) pelanggan yang Akaun GX atau Had FlexiCredit mereka ditamatkan, dibekukan, ditutup, digantung, dianggap tertunggak, dalam keingkaratan atau sebaliknya dijalankan secara tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh GXBank pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen atau pada masa pemenuhan Ganjaran Kempen;
 - (b) individu yang tidak sihat dari segi mental, meninggal dunia, diputuskan muflis atau terlibat dalam sebarang prosiding undang-undang yang sedang berjalan;
 - (c) individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
- 2.3 Walau apa pun peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, GXBank telah menetapkan had maksimum ke atas jumlah pembayaran Ganjaran Kempen untuk Kempen ini ("**Had Maksimum**"). Apabila Had Maksimum telah dicapai, GXBank berhak untuk segera menghentikan pemberian sebarang Ganjaran Kempen selanjutnya dan/atau menamatkan Kempen tanpa notis terlebih dahulu. GXBank tidak akan bertanggungjawab untuk memaklumkan Perujuk dan Dirujuk apabila Had Maksimum telah dicapai.

3. Kriteria Kelayakan

3.1 Untuk melayakkan diri mendapat Ganjaran Kempen yang diterangkan dalam Klausa 4.1 di bawah, Pelanggan Layak mesti memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Kempen (“**Kriteria Kelayakan**”):

No.	Kategori Ganjaran	Kriteria Kelayakan
(a)	Kategori Ganjaran 1 Untuk Pihak Perujuk	<ul style="list-style-type: none"> (i) Anda mesti mengekalkan Akaun GX yang aktif yang berada dalam kedudukan yang baik dan berjaya memenuhi keperluan pendanaan bagi tujuan pengesahan Akaun GX. (ii) Anda mesti berkongsi pautan dan kod rujukan unik FlexiCredit anda (“Pautan dan Kod Rujukan”) yang diperolehi daripada akaun perbankan Peribadi anda di dalam aplikasi mudah alih GXBank (“Aplikasi GX”) dengan Pihak yang Dirujuk yang masih belum memohon FlexiCredit. Nota: Pergi ke akaun perbankan Peribadi anda di dalam Aplikasi GX, pilih “Saya”, pilih “Kongsi dengan rakan” untuk menghantar Pautan dan Kod Rujukan kepada Pihak Dirujuk anda. (iii) Pihak Dirujuk anda mesti memohon untuk FlexiCredit menggunakan Pautan dan Kod Rujukan anda. (iv) Jika permohonan Pihak yang Dirujuk anda diluluskan oleh GXBank, Pihak Dirujuk mesti berjaya melengkapkan pengaktifan Had FlexiCredit yang ditawarkan dan melakukan pengeluaran pertama mereka dengan minimum RM1,000 dalam satu transaksi daripada Had FlexiCredit yang diaktifkan semasa Tempoh Kempen (“Rujukan Berjaya”).
(b)	Kategori Ganjaran 2 Untuk Pihak yang Dirujuk	<ul style="list-style-type: none"> (i) Anda mestilah bukan seorang pelanggan FlexiCredit GXBank yang sedia ada atau terdahulu. Nota: Anda masih boleh menjadi seorang Perujuk untuk merujuk orang lain untuk memohon FlexiCredit. (ii) Anda mesti membuka dan mengekalkan Akaun GX yang aktif dalam kedudukan yang baik dan berjaya memenuhi keperluan pendanaan bagi tujuan pengesahan Akaun GX semasa Tempoh Kempen. (iii) Anda mesti memohon FlexiCredit menggunakan Pautan dan Kod Rujukan yang sah daripada Pihak Perujuk. Nota: Klik pada Pautan Rujukan yang dikongsi dengan anda oleh Pihak Perujuk dan masukkan Kod Rujukan yang diberikan oleh Pihak Perujuk semasa proses permohonan FlexiCredit

No.	Kategori Ganjaran	Kriteria Kelayakan
		<p>anda.</p> <p>(iv) Permohonan FlexiCredit anda tertakluk kepada kelulusan daripada pihak GXBank berdasarkan kelayakan dalaman dan penilaian kredit pinjaman, yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak GXBank dan GXBank berhak untuk menolak mana-mana permohonan FlexiCredit tanpa memberikan alasan.</p> <p>(v) Jika permohonan FlexiCredit anda diluluskan oleh GXBank, anda mesti berjaya melengkapkan pengaktifan Had FlexiCredit yang ditawarkan dan melakukan pengeluaran pertama sekurang-kurangnya RM1,000 dalam satu transaksi daripada Had FlexiCredit yang diaktifkan semasa Tempoh Kempen.</p>

- 3.2 Untuk Kempen ini, Pihak Perujuk boleh merujuk sebarang bilangan Pihak Dirujuk untuk FlexiCredit. Pihak yang Dirujuk mestilah bukan pelanggan FlexiCredit GXBank yang sedia ada atau terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, Pihak Perujuk tidak boleh merujuk dirinya untuk Kempen ini.
- 3.3 Dengan mengambil bahagian, Pihak Perujuk menerima tanggungjawab terhadap Pautan dan Kod Rujukan mereka sepenuhnya. GXBank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pertikaian, tuntutan, atau isu yang timbul antara mana-mana pihak akibat daripada perkongsian Pautan dan Kod Rujukan atau daripada penyertaan dalam Kempen ini.
- 3.4 Dengan menyertai Kempen ini, setiap Pihak Perujuk dan Pihak yang Dirujuk mengakui dan menerima tanggungjawab penuh untuk penggunaan Had FlexiCredit mereka dan keputusan bebas mereka untuk mendapatkan pinjaman. GXBank tidak membuat representasi atau jaminan mengenai kesesuaian produk FlexiCredit untuk mana-mana individu dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, kos, atau liabiliti (sama ada secara langsung, tidak langsung, berbangkit atau sebaliknya) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Pihak Perujuk dan Pihak yang Dirujuk dalam Kempen ini atau penggunaan Had FlexiCredit.

4. Ganjaran dan Mekanik Kempen

- 4.1 Pihak Perujuk dan Pihak yang Dirujuk yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan yang ditetapkan di bawah Klausula 3.1(a) dan 3.1(b) di atas masing-masing semasa Tempoh Kempen layak untuk menerima Ganjaran Kempen yang berikut:

Ganjaran Kempen: Ganjaran Tunai untuk Pihak Perujuk & Pihak yang Dirujuk	
Tempoh	Jumlah Ganjaran
16 Mac - 30 Jun 2026	RM100 untuk Pihak Perujuk & RM100 untuk Pihak yang

	Dirujuk
--	---------

Ganjaran Kempen	Mekanik
-----------------	---------

Kategori Ganjaran 1 - Untuk Pihak Perujuk

Ganjaran tunai untuk setiap Rujukan Berjaya

Jumlah Ganjaran Tunai	
Tempoh	Ganjaran Tunai
16 Mac - 30 Jun	RM100

- (a) Pihak Perujuk akan layak untuk menerima Ganjaran Kempen bagi setiap Pihak yang Dirujuk yang melengkapkan semua langkah berikut:
- (i) Memohon FlexiCredit menggunakan pautan dan kod rujukan unik Pihak Perujuk.
 - (ii) Permohonan had FlexiCredit diluluskan.
 - (iii) Mengaktifkan had FlexiCredit mereka.
 - (iv) Melakukan pengeluaran pertama minimum RM1,000 dalam satu transaksi ("**Pengeluaran Layak**").
- (b) Pihak Perujuk boleh membuat jumlah rujukan yang berjaya tanpa had dan memperoleh ganjaran dengan sewajarnya, tetapi semua ganjaran adalah tertakluk kepada Had Maksimum Kempen keseluruhan (Klausa 2.3).
- (c) Ganjaran tunai akan dikreditkan secara langsung ke Akaun GX Pihak Perujuk sebaik sahaja Kriteria Kelayakan yang ditetapkan dalam Klausa 3.1(a) di atas dipenuhi. Dalam kes yang luar biasa, ia mungkin mengambil masa sehingga 2 minggu untuk ganjaran tunai dikreditkan.

Kategori Ganjaran 2 - Untuk Pihak yang Dirujuk

Ganjaran tunai untuk setiap Rujukan Berjaya

Jumlah Ganjaran Tunai	
Tempoh	Ganjaran Tunai
16 Mac - 30 Jun	RM100

- (d) Pihak yang Dirujuk akan layak untuk menerima Ganjaran Kempen setelah semua langkah berikut dilaksanakan:
- (i) Memohon FlexiCredit menggunakan pautan dan kod rujukan unik Pihak Perujuk.
 - (ii) Permohonan had FlexiCredit diluluskan.
 - (iii) Mengaktifkan had FlexiCredit mereka.
 - (iv) Melakukan pengeluaran pertama minimum RM1,000 dalam satu transaksi ("**Pengeluaran Layak**").
- (e) Seorang Pihak yang Dirujuk hanya boleh menerima ganjaran tunai ini sekali semasa Tempoh Kempen.
- (f) Ganjaran tunai akan dikreditkan secara langsung ke Akaun GX Pihak yang Dirujuk sebaik sahaja Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa 3.1(d) di atas dipenuhi. Dalam kes yang luar biasa, ia mungkin mengambil masa sehingga 2 minggu untuk ganjaran tunai dikreditkan.

4.2 Ilustrasi kelayakan untuk menerima Ganjaran Kempen adalah dinyatakan di bawah.

No	Ilustrasi	Kelayakan Ganjaran Kempen
1	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk A, yang tidak mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak yang Dirujuk A menggunakan pautan dan kod rujukan yang dihantar oleh anda, memohon FlexiCredit, mendapat kelulusan dan mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p> <p>Pihak Dirujuk A juga melakukan pengeluaran pertama mereka sebanyak RM1,000 daripada FlexiCredit mereka.</p> <p>Semua langkah di atas telah dilakukan pada 28 Mac 2026.</p>	<p>Anda layak menerima ganjaran rujukan sebanyak RM100.</p> <p>Pihak yang Dirujuk A juga layak untuk menerima ganjaran rujukan sebanyak RM100.</p>
2	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk B, yang tidak mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak yang Dirujuk B menggunakan pautan dan kod rujukan yang dihantar oleh anda, memohon FlexiCredit, mendapat kelulusan dan mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p> <p>Pihak Dirujuk B tidak melakukan pengeluaran.</p>	<p>Anda tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan.</p> <p>Pihak yang Dirujuk B tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan kerana mereka tidak melakukan pengeluaran.</p>
3	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk C yang tidak mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak yang Dirujuk C tidak menggunakan pautan dan memasukkan kod yang dihantar oleh anda, tetapi memohon FlexiCredit, mendapat kelulusan dan mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p> <p>Pihak Dirujuk C juga melakukan pengeluaran pertama mereka sebanyak RM1,000 daripada FlexiCredit mereka.</p>	<p>Anda tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan.</p> <p>Pihak yang Dirujuk C tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan kerana mereka tidak memasukkan kod rujukan anda semasa memohon FlexiCredit.</p>
4	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk D yang tidak mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak Dirujuk D menggunakan pautan dan kod rujukan yang dihantar oleh anda, memohon FlexiCredit, mendapat kelulusan, tetapi tidak mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p>	<p>Anda tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan.</p> <p>Pihak yang Dirujuk D tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan kerana tidak mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p>
5	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk E yang sudah mempunyai FlexiCredit.</p>	<p>Anda tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan tersebut.</p>

	<p>Pihak yang Dirujuk E tidak dapat menggunakan kod rujukan anda kerana mereka sudah mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak Dirujuk E melaksanakan pengeluaran pertama mereka sebanyak RM1,000.</p>	<p>Pihak yang Dirujuk E tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan kerana mereka sudah menjadi pengguna FlexiCredit sedia ada dan oleh itu tidak dapat menggunakan kod rujukan anda.</p>
6	<p>Anda berkongsi pautan dan kod rujukan anda kepada Pihak yang Dirujuk F yang tidak mempunyai FlexiCredit.</p> <p>Pihak yang Dirujuk F menggunakan pautan dan kod rujukan yang dihantar oleh anda, memohon FlexiCredit, mendapat kelulusan dan mengaktifkan FlexiCredit mereka.</p> <p>Pihak Dirujuk F juga telah melaksanakan pengeluaran pertama mereka sebanyak RM1,000 daripada FlexiCredit mereka selepas Tempoh Kempen.</p>	<p>Anda tidak layak untuk menerima ganjaran rujukan tersebut.</p> <p>Pihak yang Dirujuk F tidak layak untuk menerima ganjaran-ganjaran rujukan kerana mereka telah melaksanakan pengeluaran hanya selepas Kempen telah tamat.</p>

- 4.3 Jika Akaun GX atau barisan FlexiCredit Pihak Perujuk atau Pihak yang Dirujuk digantung, dibekukan, ditutup atau sebaliknya tidak layak atas apa-apa sebab (sebagaimana yang berkenaan), sama ada disebabkan oleh pelanggaran Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank, aktiviti frod yang disyaki, atau sebarang keadaan lain, sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan, GXBank berhak untuk melucutkan hak Ganjaran Kempen. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, situasi di mana Akaun GX atau barisan FlexiCredit Pelanggan yang Layak didapati melanggar dasar GXBank atau di mana GXBank menganggap penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen sebagai tidak wajar atau tidak sah. GXBank juga berhak untuk mendapatkan semula sebarang Ganjaran Kempen yang telah dikreditkan, jika berkenaan, jika ditentukan bahawa Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Kempen.
- 4.4 Jika GXBank kemudiannya mendapati bahawa Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Kempen atau jika terdapat kesilapan dalam pengkreditan atau pemberian Ganjaran Kempen, GXBank berhak untuk menolak untuk mengkreditkan, atau meminda, membetulkan, malaraskan atau menuntut semula/menarik balik Ganjaran Kempen. Ini mungkin termasuk mendebitkan jumlah yang setara daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk kedua-dua Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan). Jika baki dalam Akaun GX Pelanggan yang Layak tidak mencukupi untuk menampung jumlah Ganjaran Kempen, Pelanggan yang Layak mesti segera membayar balik GXBank untuk jumlah tersebut atas permintaan. GXBank berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang perlu, termasuk prosiding undang-undang, untuk mendapatkan semula apa-apa jumlah yang tidak dibayar balik oleh Pelanggan yang Layak.
- 4.5 GXBank berhak untuk (a) membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen, (b) menolak untuk mengkreditkan atau membatalkan pengkreditan Ganjaran Kempen, atau menarik balik, atau menolak/mendebitkan jumlah yang setara dengan Ganjaran Kempen daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk kedua-dua Akaun Utama dan

mana-mana Poket Simpanan), dan/atau (c) mengambil sebarang tindakan lain yang perlu, termasuk tindakan undang-undang, terhadap Pelanggan yang Layak jika:

- 4.5.1 GXBank menentukan bahawa Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank;
- 4.5.2 Pelanggan yang Layak didapati atau disyaki mengganggu Kempen atau prosesnya, termasuk sebarang aktiviti frod yang melibatkan penipuan atau pembohongan;
- 4.5.3 terdapat operasi, penggunaan, atau ketidakaktifan/kependaman Akaun GX atau Kad GX Pelanggan yang Layak;
- 4.5.4 Pelanggan yang Layak terlibat dalam tindakan aktiviti penipuan atau tidak jujur, atau berkelakuan dengan niat buruk untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil ke atas GXBank, rakan kongsinya, atau penyedia perkhidmatannya; dan/atau
- 4.5.5 sebarang peristiwa berlaku yang memberi GXBank hak untuk menggantung atau menamatkan mana-mana atau semua produk atau perkhidmatannya, seperti yang digariskan dalam Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank.

5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju dan memberi kebenaran untuk membenarkan data peribadi anda dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh GXBank mengikut [Dasar Privasi Data](#) GXBank. Di samping itu dan tanpa menjejaskan terma yang ditetapkan dalam Dasar Privasi Data GXBank, anda bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadi anda dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh GXBank untuk:
 - (a) tujuan Kempen ini; dan
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh GXBank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, anda bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti GXBank berhubung dengan Kempen ini.
- 5.2 Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak sah dengan mana-mana kempen GXBank yang lain, dan tiada kadar istimewa, tambahan, keutamaan dan/atau ganjaran lain akan diberikan kepada anda sebagai tambahan kepada Kempen ini.
- 5.3 Rekod transaksi yang diselenggara oleh GXBank dan keputusan GXBank dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda. GXBank tidak diwajibkan untuk memberikan apa-apa alasan atau melayan apa-apa surat-menyurat

dengan mana-mana orang atau mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.

- 5.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja GXBank, GXBank secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan kesesuaian untuk tujuan tertentu.
- 5.5 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa GXBank tidak akan menerima sebarang liabiliti atau bertanggungjawab jika GXBank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana kewajipannya di sini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik atau apa-apa perbuatan Tuhan di luar kawalan GXBank atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam sifat force majeure yang berada di luar kawalan munasabah GXBank.
- 5.6 GXBank dan pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh GXBank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja GXBank yang berkaitan khusus dengan Kempen ini.
- 5.7 GXBank tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti berkenaan dengan kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Aplikasi GX dengan syarat perkara yang sama tidak disebabkan secara langsung oleh GXBank.
- 5.8 GXBank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menyebabkan anda gagal mendapat ganjaran di bawah Kempen ini.
- 5.9 GXBank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang salah tafsiran atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Kempen ini yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana bahan media, pemasaran atau pengiklanan.
- 5.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 5.11 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis awal kepada anda dengan menyiarkan di laman web GXBank di <https://gxbank.my/notices>, melalui Aplikasi GX, atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan,

pengeluaran, penggantungan, lanjutan atau penamatan oleh GXBank Kempen ini tidak akan melayakkan anda mendapat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap GXBank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada akibat langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau penamatan tersebut.

- 5.12 GXBank berhak untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian, dengan memberikan notis awal kepada anda dengan menyiarkan di laman web GXBank di <https://gxbank.my/notices> , melalui Aplikasi GX atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa.
- 5.13 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk mengakses laman web GXBank secara berkala untuk melihat Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang notis berkaitan oleh GXBank). Anda mesti mendapatkan penjelasan daripada wakil sah GXBank jika anda tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini.
- 5.14 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan anda bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 5.15 Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan mana-mana versi bahasa lain bagi Terma dan Syarat ini, termasuk versi Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 5.16 Untuk maklumat, pertanyaan dan/atau sokongan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi kami melalui **fungsi sembang langsung** dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi **pasukan Sokongan Pelanggan GXBank** kami di **+603 7498 3188** atau menghantar e-mel kepada kami di ask@gxbank.my .